

aras bagi panggilan terputus iaitu tidak melebihi 3% dan panggilan terhalang (blocked call) tidak melebihi daripada 5%. Bagi memastikan pematuhan dan pemantauan prestasi pihak penyedia perkhidmatan, pihak SKMM menjalankan pengujian rangkaian selular secara bulanan di seluruh negara.

Pengujian rangkaian secara bulanan ini dilakukan berdasarkan kaedah-kaedah seperti yang digariskan dalam Standard Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan (Perkhidmatan Selular Awam) yang dikeluarkan oleh SKMM.

Berdasarkan pengujian rangkaian bulanan tersebut yang dijalankan oleh SKMM, kadar panggilan tergendala/terputus pada tahun 2013 di seluruh negara adalah 2.92% dengan jumlah panggilan terputus sebanyak 1,193 daripada 40,781 jumlah keseluruhan panggilan yang berjaya disambungkan. Manakala kadar panggilan terputus di laluan protokol adalah 1.51% dengan jumlah panggilan terputus sebanyak 114 daripada 7,550 jumlah keseluruhan panggilan berjaya disambungkan.

SKMM memandang serius isu ini bagi memastikan panggilan terputus berada di tahap yang minima serta kualiti perkhidmatan selular berada di tahap yang memuaskan selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan para pengguna dapat menikmati kemudahan perkhidmatan selular yang baik dan sempurna.

SKMM tidak mempunyai pengetahuan dan tiada spesifikasi mengenai hasil pendapatan syarikat-syarikat TELCO yang berpunca daripada panggilan tergendala tersebut.